

27 APR 1998

Mahathir-Perutusan

UMAT ISLAM PERLU LAKUKAN HIJRAH UBAH CARA HADAPI MASALAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam di Malaysia perlu melakukan hijrah dengan mengubah cara menghadapi masalah kepada cara yang baru bagi menghadapi krisis yang sedang melanda negara kini.

Perdana Menteri berkata krisis yang melanda negara hari ini amat kecil berbanding krisis yang dihadapi Nabi Muhammad s.a.w semasa mengembangkan agama Islam sehingga terpaksa berhijrah dari Mekah ke Madinah.

"Jika kita perlu lebih berjimat cermat, lebih bekerja kuat, lebih sabar dan lebih sederhana dalam pendirian kita, maka kita mestilah sanggup membuat perubahan-perubahan ini.

"Insya-Allah, jika kita sanggup membuat penghijrahan ini, maka perayaan Ma'al Hijrah bukan sahaja sekadar merayakan hari yang bersejarah ini tetapi manfaatnya kepada kita lebih besar dan bermakna," katanya dalam perutusan sempena sambutan Ma'al Hijrah 1419 esok.

Dr Mahathir berkata dengan cara sedemikian, insya-Allah umat Islam akan dapat melepaskan diri daripada belenggu yang dihadapi sekarang dan berjaya mengatasi segala penindasan.

Beliau berkata umat Islam tidak seharusnya merayakan sambutan awal Muharam dengan semata-mata memperingati peristiwa hijrah atau sebagai sambutan tahun baru tetapi hendaklah menjadikannya peringatan bagi umat Islam mengikuti jejak langkah Nabi Muhammad s.a.w untuk mengubah keadaan dan memperbaiki hasil usaha.

"Kita sedar bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala boleh menjadikan apa sahaja hanya dengan berkata 'Jadi' tetapi Allah berkehendakkan kita berusaha sendiri. Usaha kita mungkin berjaya dan mungkin tidak berjaya.

"Allah sahaja yang menentukannya. Tetapi hanya kerana kejayaan tidak terjamin akan berhasil, tidak seharusnya kita tidak berusaha dan cuba mengubah keadaan kita," katanya.

Perdana Menteri menegaskan walaupun Malaysia aman dan tidak menghadapi banyak masalah seperti kebuluran dan malapetaka yang besar namun negara ini masih lemah dan ditindas orang lain.

"Kelemahan kita disebabkan budaya yang tidak begitu mengutamakan kerajinan, menuntut ilmu pengetahuan, kesederhanaan dalam hidup, pengamalan tata susila yang mulia dan lain-lain. Justeru itu siapa sahaja dapat mengalah dan menghina kita, dan dengan ini agama kita juga terhina," katanya.

Dr Mahathir berkata kebolehan umat Islam tidak kurang daripada kebolehan orang lain dan telah terbukti bahawa orang Islam boleh mencapai apa sahaja yang dicapai orang lain jika berusaha.

Umat Islam boleh melakukan perubahan dalam bidang sains dan teknologi, pengurusan dan perusahaan, penciptaan barang-barang canggih dengan mengubah apa yang menjadi kebiasaan kepada yang baru bagi menguji dan memanfaatkan kebolehan yang ada.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa bukan semua yang baru itu baik dan bukan semua perubahan itu membawa kejayaan.

Perdana Menteri berkata hijrah merupakan satu pengajaran dan teladan yang amat besar bagi umat Islam kerana penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w dari Mekah ke Madinah 1,419 tahun dahulu merupakan peristiwa besar, sehingga ia menjadi tarikh permulaan era Islam.

"Hijrah membawa makna berpindah dari satu tempat ke satu tempat kerana ingin mengubah satu keadaan yang kurang sempurna kepada keadaan yang lebih

sempurna.

Dr Mahathir berkata semua umat Islam tahu bahawa Rasullulah berhijrah untuk mengubah keadaan yang menghalang kejayaan mengembangkan ajaran Islam.

"Tetapi kita (umat Islam) tidak begitu mengambil berat akan maksud sebenar hijrah mengikut sunnah Rasul dan firman Tuhan berkenaan dengan mengubah diri.

"Dengan itu jika keadaan kita tidak menjadi baik tentulah kita yang bersalah kerana tidak bertindak untuk mengubah keadaan kita," katanya.

-- BERNAMA

HS RON